

22 AUG 2001

PINTAR-CHOGM

KENYATAAN MUNYONYO KE ARAH MENCAPAI KEMAJUAN DIBENTANGKAN DI CHOGM/CFMM

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 22 Ogos (Bernama) -- Walaupun pelaburan langsung asing (FDI) amat penting kepada peningkatan ekonomi di negara-negara mundur, namun ia mestilah bersifat melengkapi ekonomi-ekonomi tempatan dan menyokong pembangunan yang mapan, demikian Dialog Perkongsian Pintar 2001 Global di sini diberitahu Selasa lalu.

Pelabur-pelabur juga harus sedar bahawa FDI patut disediakan dengan melibatkan perkongsian pintar, di mana kedua-dua pelabur dan negara penerima (tuan rumah) berada pada kedudukan sama menang.

Isu-isu ini telah diberi penekanan dalam satu kenyataan misi bertajuk "The Munyonyo Way Forward", yang dikeluarkan pada akhir dialog yang berlangsung selama tiga hari di Speke Resort, Perkampungan Munyonyo, 15 km dari sini dan dipengerusikan oleh Presiden Uganda Yoweri Kaguta Museveni.

Kenyataan itu juga menyebut bahawa "pergerakan perkongsian pintar akan mengemukakan kesimpulan Dialog Munyonyo ini kepada Mesyuarat Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Brisbane Oktober ini dan kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Komanwel (CFMM) di St Lucia pada tahun 2002.

Lord Craig of Radley, seorang fellow Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), yang menganjurkan dialog-dialog perkongsian pintar, berkata secara berasingan bahawa "kami percaya isu-isu yang dipertimbangkan pada dialog Munyonyo akan menyumbang kepada agenda CHOGM 2001."

Kenyataan Munyonyo itu juga menyebut bahawa "dalam merancang usaha ke arah mencapai kemajuan dari Munyonyo, telah dipersetujui bahawa dialog-dialog pintar akan diadakan di Afrika dan Malaysia secara berselang tahun dan ini akan dihubungkan kepada kegiatan-kegiatan Perkongsian Pintar Caribbean dan Asia Barat/Mediterranean."

Kenyataan tersebut telah dikeluarkan pada akhir perbincangan dialog tersebut yang, buat pertama kalinya, diadakan di sebuah negara Afrika Timur dan dihadiri oleh lebih 600 peserta antarabangsa termasuk ketua-ketua negara di Afrika serta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka yang berkumpul di pusat peranginan pesisiran pantai Tasik Victoria ini juga telah mengenal pasti isu-isu berhubung dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), di mana perjanjian-perjanjian yang dicapai seharusnya memberi faedah kepada ahli-ahli secara saksama.

Menurut kenyataan itu, perjanjian pertanian dalam hubungannya dengan Kesatuan Eropah (EU) dan keperluan-keperluan ekonomi baru muncul juga perlu dikaji.

Negara-negara Afrika bersungut bahawa EU mengamalkan pertimbangan yang berbeza: retoriknya mengenai pasaran bebas dan terbuka di bawah naungan globalisasi dan liberalisasi tidak dipatuhi kerana ia menyediakan subsidi yang besar bagi melindungi sektor ladangnya.

Akibatnya, keluaran ladang dari negara-negara Afrika yang kebanyakannya berasaskan pertanian menghadapi kesukaran untuk menembusi pasaran Eropah, dan inilah sebabnya negara-negara membangun mahu WTO mengkaji semua perjanjian pertanian tersebut.

"Bagaimanapun, di Munyonyo, kami telah mengenal pasti satu perkara, iaitu kami menentang ketidakadilan," tegas kenyataan itu.

"Jadi, antiketidakadilan menjadi satu nilai perkongsian pintar, tetapi tentulah dari sudut positif, untuk memastikan bahawa atas sebab-sebab keadilan dan kepentingan negara sendiri, proses globalisasi haruslah berkembang secara adil dan saksama bagi semua penduduk dunia."

Peserta yang kebanyakannya terdiri daripada para perwakilan Afrika itu juga menyeru supaya diambil pendekatan seimbang terhadap hak-hak harta intelek serta supaya diselaraskan peraturan-peraturan dan falsafah WTO dengan program-program bantuan hutang Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Dunia dan organisasi-organisasi berkaitan yang lain bagi faedah mencapai pembangunan mapan dan mempercepatkan program-program penting dalam bidang prasarana dan sumber manusia.

Kenyataan misi ini juga berkata bahawa isu-isu sosial telah diberikan penekanan baru -- terutamanya disebabkan oleh usaha-usaha yang dijalankan oleh Wanita-Wanita Pertama, termasuk Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

"Penekanan terhadap isu-isu sosial ini mencerminkan pentingnya tenaga kerja yang berpendidikan, mahir, sihat dan boleh dipercayai dalam menarik FDI," tegas kenyataan itu.

Hubungan Budaya Rakan Kongsi Pintar telah diperkenalkan buat pertama kalinya di Munyonyo, di mana budaya dalam bentuk drama, filem, muzik, kesenian dan kraftangan sendiri merupakan sebuah industri dan dengan demikian boleh menjadi sasaran bagi FDI.

Dr Mahathir telah mempelawa semua pemimpin Afrika, malah ketua-ketua kerajaan dari negara-negara bukan Afrika serta para perwakilan untuk berhimpun lagi tahun depan bagi edisi dialog perkongsian pintar berikutnya di Langkawi - di mana tercetusnya dialog tersebut pada tahun 1995. --

BERNAMA

MR MKO SEL KY NHD